

# **SEMBAHYANG KHAS ANGGOTA BERAGAMA KRISTIAN DI CATHEDRAL OF ST JOHN THE EVANGELIST SEMPENA HARI ULANG TAHUN TUDM KE 60**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3563-sembahyang-khas-anggota-beragama-kristian-di-cathedral-of-st-john-the-evangelist-sempena-hari-ulang-tahun-tudm-ke-60](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3563-sembahyang-khas-anggota-beragama-kristian-di-cathedral-of-st-john-the-evangelist-sempena-hari-ulang-tahun-tudm-ke-60)

KUALA LUMPUR, 10 Jun 18 - Komandan Kolej Tentera Udara, YBhg Brig Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM serta 117 anggota Kristian TUDM dan 9 anggota veteran TUDM telah menghadiri sembahyang khas bersama warga Cathedral of St John the Evangelist, Bukit Nanas, Kuala Lumpur untuk meraikan Hari Ulang Tahun TUDM yang ke 60. Misa tersebut telah disempurnakan oleh Monsignor Leonard Lexson VG, paderi di gereja tersebut

Anggota beragama Kristian TUDM dari beberapa Pangkalan Udara di Semenanjung Malaysia telah menyertai Misa dengan keluarga. Selepas Misa, semua hadirin bersama keluarga telah diraikan dengan jamuan makan tengah hari dan turut berkesempatan untuk mengunjungi satu pameran khas yang diadakan dengan kerjasama Muzium TUDM dan juga Persatuan Scale Modellers Malaysia yang mempamerkan model-model pesawat TUDM.





